



HADIAH SASTERA & BAHASA BUDIMAN MALAYSIA, 2026 HASBUDI 1 2026

PENGENALAN

Hadiah Sastera dan Bahasa Budiman Malaysia (HASBUDI) adalah satu inisiatif berwibawa sebagai wadah pengiktirafan atas kecemerlangan para penulis persatuan ini. Keterlibatan ahli-ahli BUDIMAN MALAYSIA sejak 16 tahun ia ditubuhkan sangatlah berimpak dalam konteks membangunkan, mengembangkan serta memajukan bidang sastera dan bahasa Melayu di negara ini. Sudah pasti sumbangan mereka wajar diberi pengiktirafan dan dihargai.

MATLAMAT

Menggerakkan secara aktif usaha meningkatkan perkembangan dan kemajuan persuratan dan memajukan peradaban Melayu menerusi keterlibatan secara aktif penulis dengan menyediakan suatu bentuk sanjungan bagi mengiktiraf sumbangan cemerlang mereka.

SYARAT PENYERTAAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Peserta hendaklah berdaftar sebagai ahli Budiman Malaysia yang sah dan sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum 1 Januari 2026.
3. Karya asli penulis yang pernah diterbitkan dalam tahun 2024 dan 2025 di Malaysia.
4. Penyertaan hendaklah menggunakan Borang Penyertaan Rasmi yang dikeluarkan oleh Urus Setia.

TARIKH PENYERTAAN

1. Tarikh hebahan Penyertaan 24 Februari 2026
2. Tarikh penerimaan akhir penyertaan 24 April 2026
3. Tarikh penganugerahan Hadiah ialah pada bulan Ogos 2026

KATEGORI GENRE

- | | |
|--|--|
| A. Kreatif | B. Nonkreatif (Sastera & Bahasa Melayu) |
| i. Buku/Kumpulan: Novel, cerpen, sajak | i. Esei: kritikan, umum |
| ii. Sastera kanak-kanak:
-Novel/Cerpen/Sajak/Buku Bergambar | ii. Buku: ilmiah/kajian dan umum |
| iii. Eceran: Cerpen, sajak, puisi tradisional | iii. Artikel Jurnal |
| | iv. Rencana |
- C. Anugerah Tokoh Budiman**

HADIAH

Hadiah pemenang adalah dalam bentuk Wang tunai, tropi serta Sijil Penghargaan

BORANG PENYERTAAN

Borang penyertaan boleh diperolehi/diakses menerusi laman sesawang www.budimanmalaysia.org atau dengan cara imbas pada QR kod yang tertera di bawah.

PENGHANTARAN & PENERIMAAN PENYERTAAN

1. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya atas urusan penghantaran penyertaan.
2. Hanya penyertaan yang diterima, lengkap dan memenuhi syarat sahaja yang akan diproses untuk penilaian.
3. Borang Penyertaan hendaklah dihantar secara pos atau hantar tangan ke alamat Urus Setia sepertimana tertera di bawah.

ALAMAT:

Urus Setia

Hadiah Sastera dan Bahasa Budiman Malaysia

HASBUDI, 2026,

No.11 Jalan Tamalan 5, Proton City, 35900 Tanjung Malim,

Perak Darul Ridzuan.

Tel.(HP): 0172030992 / 0193332294



BORANG
PENYERTAAN



INFO HASBUDI
2026

